

Peti Simpanan Selamat Terma dan Syarat

1. SYARAT TERDAHULU

Di dalam Terma dan Syarat ini, ungkapan:

“Perjanjian” bermaksud Perjanjian Sewa Peti Simpanan Selamat yang dilaksanakan antara Bank dengan Penyewa (Penyewa-penyewa). “Bank” bermaksud Alliance Bank Malaysia Berhad dan semua cawangannya yang menyewakan Peti tersebut. “Peti” bermaksud Peti Simpanan Selamat yang disewakan oleh Penyewa (Penyewa-penyewa). “Penyewa (Penyewa-penyewa)” bermaksud seorang (atau lebih daripada seorang) atau entiti yang dinamakan di dalam Perjanjian Sewa Peti Simpanan Selamat. Apabila Penyewa terdiri daripada lebih daripada seorang atau firma/syarikat yang terdiri daripada lebih seorang rakan kongsi/pengarah, semua syarat di dalam Terma dan Syarat ini akan dibuat dan mengikat mereka secara bersama dan secara berasingan.

2. SYARAT TERDAHULU

- 2.1. Syarat terdahulu ini untuk menyewakan Peti yang akan Penyewa (Penyewa-penyewa) bukakan satu akaun perbankan (Akaun Semasa/Simpanan) dengan Bank dan akaun tersebut akan dibuka selagi mana Peti tersebut disewakan kepada Penyewa (Penyewa-penyewa). Penutupan atau penamatan akaun tersebut akan, melainkan diputuskan oleh Bank mengikut polisi-polisinya, menjadi arahan kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) untuk menamatkan penyewaan Peti tersebut.
- 2.2. Bank mempunyai hak untuk menamatkan sewaan Peti jika Penyewa (Penyewa-penyewa) gagal untuk menyimpan baki purata bulanan sebanyak RM10,000 dengan Bank.

3. SEWAAN, DEPOSIT ANAK KUNCI DAN CAJ-CAJ LAIN

- 3.1. Penyewa (Penyewa-penyewa) akan diminta untuk membayar sewa lebih awal, bersama dengan deposit untuk dua (2) anak kunci dan membuat Perjanjian dengan Bank bagi penyewaan Peti tersebut di bawah Terma dan Syarat ini.
- 3.2. Bayaran untuk sewa Peti tersebut akan dicaj secara tahunan atau asas tempoh yang lain sebagaimana yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke masa dengan notis awal dan perlu dibayar oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) terlebih dahulu.
- 3.3. Bank berhak untuk mengubah bayaran sewa mengikut polisi-polisinya. Sebarang perubahan pada jumlah sewa akan bermula sebaik sahaja tarikh matang bagi bayaran sewa yang seterusnya berikutan perubahan tersebut, dengan notis yang cukup tentang perubahan tersebut diberikan kepada Penyewa (Penyewa-penyewa), sebelum perubahan tersebut dimulakan.
- 3.4. Tiada sewa akan dipulangkan kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) jika sewaan ditamatkan sebelum tempoh penuh bagi sewaan tersebut.
- 3.5. Deposit sekali beri berjumlah RM200 untuk anak kunci-anak kunci Peti perlu dibayar apabila membuat Perjanjian dengan Bank bagi sewaan Peti. Deposit itu akan dibayar semula kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) apabila Penyewa (Penyewa-penyewa) menyerahkan semula Peti kosong dan dua (2) anak kunci kepada Bank tertakluk kepada hak Bank untuk mengenakan deposit bagi bayaran untuk sebarang wang yang dituntut oleh Bank di bawah terma dan syarat ini dan kepada perampasan terhadap keseluruhan jumlah itu jika anak kunci tersebut tidak dipulangkan atau jika anak kunci baharu diperlukan, sebagaimana yang dihuraikan di dalam Perenggan 16.1 (a).

- 3.6. Jumlah yang dikenakan di sini termasuk cukai-cukai lain yang mungkin akan dikenakan oleh undang-undang pada masa akan datang. Apabila sebarang cukai tersebut dilaksanakan pada masa akan datang dan di mana-mana yang berkenaan, Bank berhak untuk menuntut bayaran bagi cukai-cukai tersebut daripada Penyewa (Penyewa-penyewa).

4. ANAK KUNCI DAN KUNCI

- 4.1. Selepas bayaran dibuat bagi deposit anak kunci oleh Penyewa (Penyewa-penyewa), Penyewa (Penyewa-penyewa) akan diberi guna bagi dua (2) anak kunci untuk Peti tersebut. Anak-anak kunci itu akan kekal menjadi hak milik Bank dan perlu dipulangkan semula kepada Bank apabila sewaan ditamatkan dan tiada anak kunci lain selain yang dikeluarkan oleh Bank boleh digunakan. Tiada orang lain selain orang yang diberikan kuasa (seperti yang ditakrifkan di dalam Klausula 5.1) akan dibenarkan untuk menggunakan kunci tersebut.
- 4.2. Kedua-dua anak kunci tersebut mestilah diserahkan semula kepada Bank dalam keadaan yang baik apabila Perjanjian ditamatkan. Apabila satu kunci hilang, Penyewa (Penyewa-penyewa) perlu memaklumkan kepada Bank tanpa berlengah melalui info@alliancefg.com atau pergi ke cawangan domisil. Sekiranya berlaku kehilangan anak kunci atau kegagalan untuk memulangkannya kepada Bank atau terdapat keperluan menyediakan anak-anak kunci baharu, deposit yang telah dibayar tidak akan dipulangkan oleh Bank. Satu anak (anak-anak) kunci baharu akan dikeluarkan kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) selepas membuat bayaran bagi deposit yang diperlukan dan bagi caj dan belanja sebagaimana yang boleh dilakukan oleh Bank disebabkan oleh sebarang perubahan atau penukaran yang diperlukan termasuk kos bagi kunci baharu.
- 4.3. Penyewa (Penyewa-penyewa) akan pada setiap masa ketika jam bank beroperasi membenarkan Bank diberikan akses kepada bilik kebal bagi tujuan meneliti keadaannya, untuk membuat sebarang pembaikpulihan atau penyelarasan (jika perlu) tetapi Bank tidak boleh dianggap sebagai mempunyai sebarang pengetahuan tentang sebarang bahan yang didepositkan dan tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kandungan Peti tersebut.
- 4.4. Sebarang baik pulih atau penukaran pada kunci untuk Peti atau anak kunci akan hanya dijalankan oleh Bank dan apabila baik pulih tersebut tidak berlaku disebabkan oleh haus dan lusuh, baik pulih atau penukaran kunci atau anak kunci tersebut akan dibayar oleh Penyewa (Penyewa-penyewa).

5. OPERASI DAN AKSES

- 5.1. Hanya Penyewa (Penyewa-penyewa) akan diberikan akses kepada Peti pada setiap masa yang sesuai ketika jam-jam perniagaan yang biasa di Bank tertakluk kepada peraturan-peraturan yang boleh dari masa ke masa dibuat oleh Bank selepas pemberian notis. Penyewa (Penyewa-penyewa) boleh juga memberikan kuasa kepada orang lain ("orang yang diberi kuasa") untuk mempunyai akses kepada Peti Penyewa (Penyewa-penyewa) di bawah mandat yang dilaksanakan menurut kaedah Bank dan orang berkenaan dengan itu mempunyai kuasa penuh daripada Penyewa (Penyewa-penyewa) untuk mengalihkan atau sebaliknya menguruskan kandungan Peti tersebut.
- 5.2. Akses akan diberikan kepada Penyewa (Penyewa-penyewa)/setiap seorang daripada Penyewa hanya dengan permohonan bertulis yang ditandatangani olehnya dengan tandatangan sama yang diberikan olehnya pada kad Tandatangan Peti Simpanan Selamat atau kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh seorang atau lebih Penyewa (Penyewa-penyewa) dengan permohonan yang serupa yang ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa dengan tandatangan yang sama yang diberikan olehnya pada Kad Tandatangan Peti Simpanan Selamat berkenaan.

- 5.3. Bank boleh menurut budi bicaranya dan mengikut polisi-polisinya meminta kad pengenalan atau cara-cara pengenalan lain atau tambahan selain tandatangan tersebut.
- 5.4. Sebarang arahan daripada Penyewa (Penyewa-penyewa) kepada Bank berkenaan hal Peti tersebut perlu dalam bentuk bertulis, dan ditandatangani oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) tertakluk kepada kaedah operasi Peti. Sebarang arahan sedemikian hanya akan dimulakan apabila sudah diterima oleh Bank.
- 5.5. Bank mempunyai hak untuk menidakkan mana-mana orang daripada mempunyai akses ke Peti jika ia mempertimbangkan orang (orang-orang) yang meminta akses tersebut tidak mempunyai kuasa daripada Penyewa (Penyewa-penyewa) untuk mendapatkan akses tersebut.
- 5.6. Bank mempunyai hak untuk menahan hak Penyewa (Penyewa-penyewa) daripada mengakses Peti pada bila-bila masa dan dari masa ke masa dan selama tempoh atau masa tersebut mengikut budi bicara Bank tanpa memberikan sebarang notis awal dan tanpa memberikan sebarang sebab berkenaannya termasuk tanpa prejudis terhadap hal-hal yang disebutkan berikut:
- a) Jika berlaku keadaan kecemasan atau membuat perubahan atau baik pulih terhadap Peti atau bagi tujuan keselamatan dan sekuriti; atau
 - b) Jika berlaku Bank menerima notis atau arahan mahkamah berkenaan Penyewa atau jika berlaku sebarang isu perundangan, penahanan, tindakan atau prosiding yang berkaitan dengan Penyewa atau Peti atau Perjanjian ini; atau
 - c) Jika dituntut oleh undang-undang atau bagi mengikuti sebarang undang-undang; atau
 - d) Pertikaian antara Penyewa (Penyewa-penyewa) bersama untuk Peti tersebut.

6. LARANGAN PENGGUNAAN

- 6.1. Penyewa (Penyewa-penyewa) tidak akan memindahkan Perjanjian ini atau menyewakan Peti tersebut mahupun membenarkan mana-mana orang selain orang yang diberi kuasa untuk mempunyai akses atau untuk menggunakan Peti tersebut atau sebahagian daripadanya mahupun membenarkan ia digunakan bagi sebarang tujuan selain untuk mendepositkan barang berharga dan harta lain yang tidak bersifat boleh letup, boleh bakar, cecair atau yang bersifat haram atau bahaya atau jelik atau yang mengikut polisi-polisi Bank berkemungkinan terjadi atau menyebabkan gangguan yang jika gagal dipatuhi Bank mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian dengan serta-merta.

7. PENGECUALIAN DAN PENYISIHAN LIABILITI

- 7.1. Bank tidak akan menjadi baili bagi kandungan Peti atau mana-mana bahagiannya, mahupun ia akan terjejas dengan notis bagi sebarang amanah atau ekuiti yang terikat dengan kandungan berkenaan atau mana-mana bahagiannya.
- 7.2. Bank tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang sebarang barang yang didepositkan dan tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau kerosakan yang disebabkan atau timbul daripada keadaan kandungan Peti.

- 7.3. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tindakan atau pengabaian oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) atau mana-mana orang yang diberi kuasa dan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kehilangan yang mungkin timbul daripada penggunaan oleh mana-mana orang yang memalsukan cap getah atau memalsukan kuasa atau menyalahgunakan guna cap getah Penyewa (Penyewa-penyewa) untuk mendapatkan akses ke Peti.

8. PENAMATAN

- 8.1. Sewa akan dibayar bagi tempoh satu (1) tahun lebih awal. Jika Penyewa (Penyewa-penyewa) tidak mahu menyambung sewaan Peti, mereka perlu memberikan Bank notis satu (1) bulan secara bertulis sebelum luput sewaan setiap tahun. Jika notis tersebut tidak diberikan dan jika kedua-dua anak kunci tidak dipulangkan pada atau sebelum tarikh akhir berkenaan, sewaan Peti dianggap diteruskan selama setahun lagi. Walau bagaimanapun, Bank boleh pada bila-bila masa semasa penyambungan sewa memberikan notis awal satu (1) bulan tentang penamatannya. Bagi Penyewa-penyewa Bersama, liabiliti Penyewa-penyewa dengan ini adalah secara bersama dan berasingan.
- 8.2. Sekiranya gagal untuk membayar sewa walhal sudah cukup tempoh sama ada diminta atau tidak atau untuk meneliti mana-mana daripada terma dan syarat ini, tiada sesiapa pun daripada Penyewa (Penyewa-penyewa) mahupun orang yang diberi kuasa akan mempunyai hak untuk mendapat akses kepada Peti namun mereka masih bertanggungjawab untuk membayar sewa. Bank akan dalam hal sedemikian memberikan notis kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) atau sesiapa daripada mereka di alamat terakhir yang diketahui dan didaftarkan dengan Bank bagi meminta bayaran sewa yang tertunggak atau pelanggaran mana-mana daripada Terma dan Syarat ini dan jika selepas satu (1) bulan selepas pemberian notis mana-mana wang masih belum dibayar atau mana-mana syarat tersebut masih belum dipenuhi Bank tanpa prejudis terhadap mana-mana remedi lain akan diberikan kebebasan tanpa sebarang notis lanjut untuk membuka Peti tersebut mengikut polisi-polisinya.
- 8.3. Peti tersebut akan dibuka dengan kehadiran seorang pegawai Bank dan seorang peguam panel yang akan membuat inventori kandungan Peti dan menahan kandungan tersebut dengan risikonya ditanggung oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) mengikut polisi-polisinya. dengan dua kali ganda bayaran tahunan yang perlu dijelaskan. Inventori yang disediakan dan disahkan oleh peguam panel tersebut akan menjadi bukti kukuh terhadap Penyewa (Penyewa-penyewa), waris-warisnya, pengganti-penggantinya dan pemegang-pemegang serah haknya (termasuk Pemegang Serah Hak Rasmi) dan terhadap mana-mana orang atau entiti lain yang mempunyai tuntutan terhadap mana-mana jenis harta yang didepositkan ke dalam Peti dan di dalam mana-mana prosiding mahkamah.
- 8.4. Jika sewaan peti tersebut masih dalam tunggakan dan dalam tempoh dua (2) bulan selanjutnya wang tertunggak tersebut tidak dibayar Bank boleh dengan serta-merta tanpa notis awal dan pada tanggungan belanja oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) menjual melalui bidaan awam atau perjanjian persendirian bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada kandungan Peti tersebut dan menggunakan hasil daripada jualan tersebut sebagai bayaran untuk sebarang wang yang tertunggak kepada Bank seperti yang termaktub di dalam Perjanjian dan Bank tidak akan menanggung sebarang kehilangan yang boleh disebabkan oleh jualan tersebut. Jika terdapat sebarang lebihan daripada hasil jualan tersebut, Bank mengikut polisi-polisinya memegang hasil tersebut tanpa dikenakan bayaran faedah bagi pihak Penyewa (Penyewa-penyewa) sehingga diminta oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) bergantung pada peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.
- 8.5. Apabila Perjanjian ditamatkan, Penyewa (Penyewa-penyewa) akan dengan segera menghantar kedua-dua anak kunci kepada Bank dan mengeluarkan semua kandungan di dalam Peti tersebut.

Peti yang sudah kosong perlu diserahkan bersama anak-anak kuncinya kepada Bank dalam keadaan yang baik.

- 8.6. *Mana-mana Penyewa (Penyewa-penyewa) Bersama bagi Peti tersebut boleh menamatkan Perjanjian yang diberikan tetapi syarat untuk menguruskan Peti tersebut ialah "Salah Seorang Perlu Tandatangan/Menguruskan".*

9. KEMATIAN/PEMBUBARAN/PEMANSUHAN

9.1. Untuk Penyewa Tunggal

9.1.1. *Jika berlaku kematian penyewa, wakil peribadi yang sah yang mengeluarkan Geran Harta Pusaka atau Surat Pentadbiran dan anak-anak kunci asal untuk Peti berkenaan boleh diberikan akses dan membuka Peti tersebut dan mengeluarkan semua kandungannya, dan perbuatan ini akan secara automatik menamatkan Perjanjian tersebut.*

9.1.2. *Bank boleh mengikut polisi-polisinya tanpa perlu bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan, sebelum Geran Harta Pusaka atau Surat Pentadbiran diserahkan kepada Bank, membenarkan atas terma dan syarat berkenaan, mana-mana orang yang mendakwa mempunyai hak untuk mentadbir harta Penyewa yang sudah meninggal dunia untuk membuka Peti tersebut dan meneliti kandungannya bagi tujuan menyediakan inventori kandungan Peti tersebut dengan kehadiran seorang pegawai Bank dan seorang saksi yang akan ditentukan oleh Bank (seperti peguam panel Bank, peguam yang mewakili orang yang mendakwa mempunyai hak untuk mentadbir harta Penyewa yang sudah meninggal dunia atau peguam yang mewakili saudara terdekat kepada Penyewa yang sudah meninggal dunia) dan bahawa tiada apa-apapun dengan ini akan menjejaskan tanggungan bagi sewaan Peti berkenaan yang akan diteruskan sehingga Peti berkenaan diserahkan kepada Bank. Walau bagaimanapun orang itu tidak akan dibenarkan untuk mengeluarkan sebarang kandungan Peti melainkan sebarang Wasiat atau surat Testamentari yang menyebutkan bahawa orang itu dilantik sebagai pelaksana yang mana Bank akan dibenarkan untuk menyimpan salinan dokumen berkenaan.*

9.1.3. *Sebarang kuasa yang diberikan kepada orang yang diberi kuasa oleh Penyewa yang sudah meninggal dunia untuk mempunyai akses kepada Peti akan kekal sah sehingga notis bertulis tentang kematian berkenaan diberikan kepada Bank lalu setiap satu kuasa yang berkenaan akan secara automatik tamat dan tetap.*

9.2. Untuk Penyewa Bersama:

9.2.1. *Untuk Penyewa Bersama dengan salah seorang untuk menandatangani kaedah operasi, apabila dikeluarkan notis bertulis tentang kematian salah seorang daripada Penyewa Bersama, Penyewa yang masih hidup ketika menandatangani dokumen akses yang berkenaan dan memegang anak-anak kunci Peti boleh diberikan akses kepada Peti untuk mengeluarkan atau menguruskan kandungan Peti dan tiada apa-apa dengan ini akan menjejaskan liabiliti terhadap sewaan Peti yang akan diteruskan sehingga Peti diserahkan kepada Bank.*

9.2.2. *Untuk Penyewa Bersama dengan kesemuanya perlu menandatangani kaedah operasi, apabila dikeluarkan notis bertulis tentang kematian salah seorang daripada Penyewa Bersama, Bank akan mempunyai hak untuk membekukan Peti tersebut dan boleh, mengikut polisi-polisinya, tanpa perlu bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, membenarkan mana-mana orang yang mendakwa sebagai mempunyai hak untuk mentadbir harta Penyewa yang sudah meninggal dunia dan yang memegang anak kunci Peti, untuk membuka Peti dan meneliti kandungannya dengan kehadiran seorang pegawai Bank dan seorang saksi bebas (seorang peguam panel atau mana-mana pihak ketiga). Walau bagaimanapun, orang itu tidak akan dibenarkan untuk mengeluarkan sebarang kandungan kecuali mendapat arahan*

bersama yang diterima oleh Bank daripada kedua-dua wakil peribadi yang sah bagi Penyewa yang sudah meninggal dunia dan Penyewa-penyewa bersama yang masih hidup.

9.2.3. Bank tidak akan terikat untuk bertanya atau dianggap sebagai tahu atau maklum, sebenarnya atau anggapan atau agakan, tentang sama ada mana-mana kandungan Peti tersebut dimiliki oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) bersama yang sudah meninggal dunia. Terma kontrak ini terpakai untuk kematian mana-mana Penyewa (Penyewa-penyewa) Bersama dan akan mengikat wakil (wakil-wakil) peribadi bagi Penyewa (Penyewa-penyewa) bersama yang sudah meninggal dunia itu.

9.2.4. Sebarang kuasa yang diberikan kepada orang yang diberi kuasa oleh Penyewa yang sudah meninggal dunia untuk mendapat akses kepada Peti akan kekal sah sehingga notis bertulis tentang kematian berkenaan diberikan kepada Bank lalu setiap kuasa berkenaan akan secara automatik tamat dan tetap.

9.3. Untuk Syarikat Berhad, Persatuan, Kelab atau Persatuan:

9.3.1. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di dalam subklausu 9.3.2 dengan ini hak untuk mengakses Peti oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) atau mana-mana orang yang diberi kuasa akan ditamatkan jika berlaku pembubaran Penyewa (Penyewa-penyewa) atau jika berlaku sesebuah syarikat menyerahkan suatu penyelesaian bagi pembubaran secara suka rela atau Mahkamah mengeluarkan Arahan pembubaran namun Bank tidak akan dikenakan liabiliti dalam hal berkenaan akses yang demikian dan sehingga Bank sudah menerima notis sebenar berkenaan penyelesaian untuk pembubaran atau Arahan pembubaran oleh Mahkamah.

9.3.2. Apabila berlaku pembubaran atau pemansuhan Penyewa (Penyewa-penyewa) Bank boleh menurut pilihannya (dan apabila buktinya diterima) membenarkan mana-mana orang atau orang-orang yang mendakwa dirinya sebagai penyelesai (penyelesai-penyelesai) atau penerima (penerima-penerima) bagi Penyewa (Penyewa-penyewa) dan penasihat undang-undangnya atau penasihat undang-undang mereka dengan kehadiran seorang pegawai Bank untuk memeriksa kandungan Peti dan membuat inventori Peti tersebut dan seterusnya penyelesai (penyelesai-penyelesai) atau penerima (penerima-penerima) tersebut akan memiliki kuasa untuk menguruskan kandungan Peti dan dianggap sebagai Penyewa (Penyewa-penyewa) Peti bagi menggantikan Penyewa (Penyewa-penyewa) asal tertakluk pada Terma dan Syarat ini.

9.3.3. Ketika pembubaran atau pemansuhan Penyewa (Penyewa-penyewa), sebarang kuasa yang diberikan kepada orang yang diberi kuasa untuk memiliki akses kepada Peti akan kekal sah sehingga notis berkenaan pembubaran atau pemansuhan tersebut diberikan kepada Bank lalu setiap kuasa berkenaan akan secara automatik tamat dan tetap.

10. HAK UNTUK TOLAK SELESAI

10.1. Bank diberikan kuasa untuk mendebitkan daripada akaun deposit Penyewa (Penyewa-penyewa) untuk sewaan, yuran-yuran dan caj-caj dan semua jumlah lain yang perlu dibayar oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) di bawah Perjanjian ini dan terma serta syarat ini pada dan apabila sudah sampai tempoh.

10.2. Bank mempunyai hak pada bila-bila masa dan tanpa notis kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) untuk menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Penyewa (Penyewa-penyewa) termasuk akaun yang dipegang oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) secara sendiri atau bersama dengan orang lain (sama ada simpanan deposit semasa atau mana-mana akaun lain) dan menolak atau memindahkan sebarang jumlah yang berbaki kepada kredit

bagi salah satu atau lebih akaun yang sedemikian bagi atau demi menjelaskan mana-mana kewajipan wang atau liabiliti Penyewa (Penyewa-penyewa) kepada Bank di bawah Perjanjian tersebut serta terma dan syarat ini dan apabila gabungan pengambilan wang atau pemindahan sedemikian memerlukan penukaran daripada satu mata wang kepada mata wang lain, Bank diberikan kuasa untuk membuat penukaran tersebut menurut kadar penukaran mata wang Bank sendiri berbanding kadar semasa yang ditentukan oleh Bank.

11. GANTI RUGI

11.1. Penyewa (Penyewa-penyewa) akan memberikan ganti rugi kepada Bank dan pada setiap masa memastikan Bank semuanya dan sepenuhnya diberikan ganti rugi terhadap semua tuntutan, desakan, tindakan, prosiding, kehilangan dan perbelanjaan termasuk kos perundangan sepertimana antara peguam bela dan klien atas dasar ganti rugi penuh dan semua tanggungan lain dalam sebarang bentuk atau huraian dan hal-hal yang berbangkit yang mungkin boleh dibuat, diambil, dikenakan atau ditanggung oleh Bank berkaitan dengan atau dalam sebarang perkara yang berbangkit daripada Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini dan/atau kandungan di dalam Peti, melainkan tanggungan-tanggungan tersebut adalah semata-mata disebabkan oleh kecuaiian melampau atau kegagalan yang disengajakan.

12. TELEKOMUNIKASI

12.1. Tertakluk kepada pengesahan yang cukup, Bank boleh bergantung dan bertindak ke atas sebarang arahan lisan atau bertulis yang diterima daripada pelanggan melalui sebarang kaedah yang diterima oleh Bank sebagaimana yang difikirkan sesuai mengikut budi bicaranya termasuk tetapi tidak terhad kepada melalui panggilan telefon, dalam talian atau faksimili. Bank tidak akan menanggung liabiliti kepada pelanggan walau apa-apa cara sekalipun kerana bertindak dengan penuh percaya terhadap arahan sedemikian meskipun kemudiannya didapati bahawa hal yang sama tidak ditunjukkan oleh pelanggan, atau untuk sebarang salah faham atau sebarang kesilapan, kehilangan, kelewatan, atau kerosakan yang ditanggung sebagai akibat daripada Bank bertindak terhadap atau bersetuju dengan sebarang arahan atau permintaan sedemikian.

13. PENGALIHAN PETI

13.1. Bank berhak untuk pada bila-bila masa dengan memberikan sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis awal (atau tempoh yang sedemikian yang boleh ditentukan oleh Bank) kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) untuk mengalihkan Peti. Pengalihan Peti boleh dijalankan apabila notis yang berkenaan sudah pun luput.

14. INSURANS

14.1. Walaupun Bank akan mengamalkan semua langkah berjaga-jaga yang biasa, Bank tidak akan menanggung liabiliti atas sebarang kehilangan, perbelanjaan, kerosakan atau mudarat lain yang dikenakan oleh Penyewa (Penyewa-penyewa) walau apa-apa cara sekalipun yang berlaku, kecuali apabila kehilangan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau kegagalan yang disengajakan oleh Bank. Jika berlaku, liabiliti Bank adalah terhad sehingga RM10,000.

14.2. Selaras dengan itu, Penyewa (Penyewa-penyewa) dinasihatkan demi kebaikan mereka untuk menginsuranskan sebarang item berharga yang didepositkan ke dalam Peti dengan Bank.

15. NOTIS

15.1. Sebarang notis yang dihantar kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) terus kepadanya ke alamat terakhirnya yang diketahui didaftarkan dengan Bank akan dianggap sebagai sudah sampai kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) dalam kaedah biasa melalui pos. Tiada perubahan alamat Penyewa (Penyewa-penyewa) walau apa-apa cara sekalipun terpakai atau

mengikat terhadap Bank melainkan Penyewa (Penyewa-penyewa) sudah memberikan kepada Bank notis sebenar berkenaan perubahan alamat tersebut.

16. VARIASI TERMA

- 16.1. *Bank mempunyai hak untuk memberikan notis awal bertulis kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) untuk memvariasikan, menyemak semula atau mengubah mana-mana satu atau lebih peruntukan di dalam Terma dan Syarat ini dan/atau untuk menyemak semula sewa tahunan yang perlu dibayar dan sebarang yuran atau caj yang perlu dibayar pada bila-bila masa dan dari masa ke masa dalam mana-mana satu kaedah yang berikut:*
- a) *Memaparkan notis di premis-premis Bank dan laman sesawang di <https://www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx>; atau*
 - b) *Notis yang dihantar oleh Bank kepada Penyewa (Penyewa-penyewa) di alamat terakhir yang diketahui; atau*
 - c) *Iklan di akhbar-akhbar utama yang dipilih oleh Bank; atau*
 - d) *Melalui emel elektronik atau sebarang kaedah pemakluman lain yang Bank boleh pilih mengikut polisi-polisinya.*
- 16.2. *Variasi, semakan semula atau perubahan tersebut akan terpakai bermula pada tarikh yang ditentukan oleh Bank dan/atau 21 hari daripada tarikh notis. Penahanan atau penggunaan berterusan terhadap Peti selepas tarikh mula bagi sebarang variasi, semakan semula atau perubahan pada Terma dan Syarat ini akan dianggap sebagai penerimaan terhadap variasi, semakan semula atau perubahan tanpa pengecualian oleh Penyewa (Penyewa-penyewa).*
- 16.3. *Jika Penyewa (Penyewa-penyewa) tidak menerima variasi, semakan semula atau perubahan, Penyewa (Penyewa-penyewa) perlu menamatkan sewaan Peti dengan memberikan notis bertulis awal dan menyerahkan semua anak kunci kepada Bank dan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan penamatan tersebut akan terpakai.*

17. MAKLUMAT AM

- 17.1. *Penyewa (Penyewa-penyewa) dengan ini mengesahkan bahawa Penyewa (Penyewa-penyewa) sudah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Pernyataan Prinsip Notis dan Pilihan daripada Bank – Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang boleh didapati di laman sesawang Bank di www.alliancebank.com.my dan peruntukan-peruntukan yang terdapat di sini berkenaan dengan pemprosesan maklumat peribadi Penyewa (Penyewa-penyewa). Bagi mengelakkan kesangsian, Penyewa (Penyewa-penyewa) bersetuju bahawa Pernyataan Prinsip Notis dan Pilihan berkenaan akan dianggap untuk digabungkan sebagai rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini.*

18. PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 18.1 *Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank serta pegawai dan kakitangannya mendedahkan dan memberikan segala maklumat berkenaan butiran dan hal ehwal pelanggan (kewangan atau sebaliknya), perincian akaun, hubungan dengan Bank, terma perjanjian dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada individu dalam kategori berikut menurut cara dan setakat mana yang dianggap perlu oleh Bank:*
- a) *Syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat sekutu Bank (Bank serta syarikat-syarikat yang Muka Surat 10 Terma dan Syarat Deposit Perniagaan Konvensional (Jun 2023) berkaitan/sekutu tersebut secara kolektifnya dirujuk sebagai "Kumpulan Alliance Bank") serta pemegang serah hak dan pengganti hak milik syarikat tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan Alliance Bank adalah untuk memudahkan perniagaan dan operasi Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank.*

- b) Mana-mana individu untuk atau berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding undang-undang yang dilaksanakan untuk mendapatkan kembali wang yang telah genap masa dan perlu dibayar oleh pelanggan kepada Bank;
- c) Badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, penguasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan di luar Malaysia termasuklah yang merujuk kepada Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) Amerika Syarikat dan Standard Pelaporan Bersama (CRS);
- d) Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (sekiranya berkenaan) dan mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi seumpamanya yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia/Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia;
- e) Central Credit Reference Information System (CCRIS), biro kredit, agensi pelaporan kredit dan syarikat yang ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit yang diberi kuasa atau berlesen di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
- f) Juruakaun, juruaudit, peguam, penasihat, perunding dan/atau lain-lain ejen Bank sebagaimana yang perlu untuk pelaksanaan fungsi, tanggungjawab dan obligasi mereka dengan sewajarnya terhadap Bank dan Kumpulan Alliance Bank
- g) Penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat yang berkaitan atau bersekutu untuk melaksanakan fungsi dan kegiatan Bank
- h) Pihak luar sebagaimana yang diperlukan untuk sebarang kegiatan pelaksanaan korporat/usaha wajar yang dibuat oleh Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;
- i) Mana-mana pihak yang mungkin akan menyatakan keinginan untuk memperoleh kepentingan/pegangan saham di Bank/menurut sebarang cadangan pengatur, penggabungan, penggabungan, pengambilalihan Halaman 20 daripada 22 GCB Deposit / 202310 /penstrukturan semula di antara Bank dan pihak tersebut; dan
- j) Mana-mana individu atau entiti yang telah mendapat persetujuan pelanggan terlebih dahulu. Pelanggan dengan ini memberi persetujuan bagi pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Bank, Kumpulan Alliance Bank, pegawai dan kakitangannya tidak akan dipertanggungjawabkan atas pemberian maklumat tersebut atau atas sebarang akibat yang timbul daripada pergantungan terhadap maklumat yang diberikan tersebut menurut terma yang terkandung di sini.

19. UNDANG-UNDANG PEMERINTAH

19.1 Terma dan Syarat ini akan diperintah oleh dan adalah selaras dengan undang-undang Malaysia. Penyewa (Penyewa-penyewa) dengan ini bersetuju untuk tanpa boleh diubah tunduk kepada budi bicara eksklusif daripada Mahkamah Malaysia.

20 PERTIKAIAN

20.1 Jika ada sebarang pertanyaan atau aduan yang berkaitan dengan perkhidmatan, Penyewa akan menulis kepada info@alliancefg.com

20.2 Jika pertanyaan atau aduan Penyewa tidak diselesaikan dengan memuaskan hati oleh Bank, Penyewa boleh menghubungi Ombudsman for Financial Services (OFS) – enquiry@ofs.org.my.

21 ANTI-SOGOKAN DAN RASUAH

21.1 Bank sudah menginstitusikan dan mengekalkan polisi-polisi dan prosedur-prosedur yang direka bentuk untuk menghalang sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah-pengarahnya, pegawai-pegawainya, atau pekerja-pekerjanya; dan sepanjang pengetahuan Bank, tiada mana-mana pun daripada Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja Bank telah terlibat dalam sebarang aktiviti atau perilaku yang boleh mencabuli mana-mana undang-undang atau peraturan-peraturan anti-sogokan atau anti-rasuah yang terpakai kepada Bank. Bank tidak akan, dan bersetuju bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan amalan dalam aktiviti-aktiviti perniagaannya, berjanji, memberikan kuasa, meratifikasi atau membuat tawaran, atau melakukan

sebarang tingkah laku lanjutan daripada sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pindahan lain bagi apa-apa yang berharga, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana orang.

21.2 Dengan memohon produk ini, Pelanggan dengan ini memperakukan bahawa ia telah dijelaskan tentang ringkasan polisi berkenaan anti-sogokan dan rasuah oleh Bank yang boleh didapati di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-CorruptionSummary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya bersetuju/berjanji bahawa ia tidak akan terbabit dengan amalan rasuah sedemikian dalam sebarang tingkah laku sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank.

22 Cara Hubungi Kami

22.1 Untuk bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-5516 9988 atau di mana-mana cawangan Alliance Bank.